

06 MAY 1996

SUAMI/ISTERI ASING BOLEH BEKERJA DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Suami atau isteri rakyat Malaysia, penduduk tetap dan juga suami atau isteri pekerja pakar asing akan dibenarkan untuk berkerja di negara ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Permit kerja akan dikeluarkan untuk mereka dan ianya bergantung kepada kemahiran mereka, kata beliau semasa dialog dengan sektor swasta yang dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri di sini.

Menjawab satu soalan berkaitan dengan pekerja asing, beliau menyatakan Kabinet telah memutuskan mengenai perkara itu, bagaimanapun pelaksanaannya mungkin tidak begitu berkesan kerana tafsiran yang salah oleh beberapa pegawai.

"Tetapi kita akan membetulkan keadaan itu," kata beliau. "Jika kita memerlukan perkhidmatan mereka kita akan benarkan mereka bekerja."

Dr Mahathir juga telah diberitahu berkaitan dengan kesukaran untuk mendapat visa kerja oleh pekerja pakar asing.

Beliau menyatakan para pegawai kerajaan yang sama, terlibat dalam pengeluaran permit masih memegang pandangan lapuk terhadap "Malaysianisasi".

Memandangkan kedudukan gunatenaga yang penuh di negara ini, kebimbangan bahawa pekerja asing akan mengambil peluang rakyat Malaysia, termasuk pihak profesional adalah tidak tepat. -- BERNAMA

SHY RIF SIA